



www.punb.com.my

JUMLAH PEMBIAYAAN
SEHINGGA RM 10 JUTA
TEMPOH PEMBIAYAAN SEHINGGA 7 TAHUN



PEMBIAYAAN **PROSPER**

Lembaran Pernyataan

Sila baca Lembaran Pernyataan Pembiayaan PROSPER sebelum anda ingin MEMOHON

Hello!

1. APA ITU PEMBIAYAAN PROSPER?

Kemudahan yang diberikan untuk membiayai perniagaan anda dari segi modal kerja, pengubahsuaian serta pembelian mesin dan peralatan.

2. SIAPA BOLEH MEMOHON?

- Pemohon baharu dan Rakan Usahawan PUNB.
- Perniagaan/syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Bumiputera untuk pembiayaan sehingga RM1 juta. Pembiayaan melebihi RM1 juta harus mempunyai sekurang-kurangnya 70% pegangan saham dan diuruskan oleh Bumiputera.
- Perniagaan/syarikat yang beroperasi sekurang-kurangnya 18 bulan dan dengan jualan tahunan minimum RM300,000. Pengecualian bagi pendidikan berkONSEP, profesional dan stesen minyak.
- Rekod kewangan yang dikemas kini.
- Perniagaan patuh syariah.
- Rekod kredit yang baik dengan PUNB dan institusi kewangan lain.
- Memenuhi keperluan dokumentasi semasa permohonan dan penyaluran pembiayaan.
- Kriteria lain yang diluluskan oleh PUNB*

*Tertakluk kepada terma dan syarat



3. APAKAH KONTRAK SYARIAH YANG DIGUNAKAN?

Kontrak Syariah yang diguna pakai adalah Tawarruq, di mana, berdasarkan Wa'd daripada pelanggan, PUNB akan membeli komoditi daripada pedagang komoditi dan seterusnya menjualnya kepada pelanggan pada harga jualan Murabahah (kos komoditi ditambah keuntungan) secara pembayaran tertangguh. Sebagai ejen pelanggan, PUNB kemudiannya akan menjual komoditi tersebut kepada pembeli pihak ketiga secara tunai. Wang tunai yang diperoleh daripada pembeli pihak ketiga akan dimasukkan ke dalam akaun khas yang ditetapkan untuk pelanggan. Pada masa ini komoditi yang digunakan adalah Minyak Sawit Mentah (CPO).

4. APA YANG SAYA AKAN DAPAT DARI PRODUK INI?

	Jumlah Pembiayaan	RM100,000 – RM10,000,000
	Tempoh Pembiayaan	Sehingga 7 tahun
	Tempoh Penangguhan	Sehingga 6 bulan (untuk pembayaran bulanan prinsipal)
	Kadar Keuntungan	5% - 8% setahun (bergantung kepada penilaian kredit)
	Tempoh Ketersediaan	Enam (6) bulan dari tarikh penerimaan Surat Tawaran atau Perjanjian Kemudahan yang mana berkenaan

5. APAKAH KEWAJIPAN SAYA?

Rujuk kepada jadual simulasi pembiayaan.

6. SKOP PEMBIAYAAN



Modal kerja juga merangkumi kerja di bawah projek/kontrak



Mesin dan peralatan



Kos pengubahsuaian

7. APAKAH YURAN DAN CAJ YANG PERLU SAYA BAYAR?

Duti Setem

Menurut Akta Setem 1949.
Sila rujuk www.hasil.gov.my

Caj Pemprosesan

RM350 sehingga RM1,000* (bergantung kepada jumlah pembiayaan)

Yuran Dokumentasi

Dari RM350* (bergantung kepada jumlah pembiayaan)

Latihan Wajib PUNB

RM1,400*

Yuran dan caj lain

Semua kos dan perbelanjaan lain seperti yuran guaman dan caj lain yang ditanggung dalam penyediaan semua penyempurnaan dokumentasi dan pemeliharaan dokumen keselamatan PUNB.

*Tertakluk kepada sebarang perubahan oleh PUNB

8. BAGAIMANA JIKA SAYA GAGAL MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB SAYA?

Jika anda mengalami kesukaran untuk memenuhi ansuran bulanan anda, anda dinasihatkan untuk segera menghubungi PUNB melalui pegawai pemantau yang ditetapkan atau pusat khidmat pelanggan, supaya kami dapat membantu/memberikan cadangan secepat mungkin. Ini akan mengelakkan anda daripada mengalami kesukaran jika anda gagal memenuhi kewajipan anda.



9. BAGAIMANA JIKA SAYA MENYELESAIKAN PEMBIAYAAN SEPENUHNYA SEBELUM TEMPOH MATANG?

Anda perlu membayar jumlah baki tertunggak dan sebarang jumlah yang ter hutang dan perlu dibayar kepada PUNB iaitu tunggakan ansuran, caj pembayaran lewat (jika ada). Tiada caj untuk penyelesaian awal.

PUNB boleh memberikan Ibra' atas budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa dan mengikut mana-mana cara yang berkenaan. Ibra' boleh diberikan pada bahagian keuntungan yang belum diperolehi daripada Kemudahan dalam situasi berikut:

- a) Semasa penyelesaian awal sepenuhnya Kemudahan; dan/atau
- b) Semasa penggunaan sebahagian Kemudahan, pada jumlah yang tidak digunakan.



10. ADAKAH SAYA PERLUKAN PENJAMIN?

Kami memerlukan jaminan peribadi untuk pembiayaan ini.

Kami juga mungkin memerlukan pembiayaan ini dijamin oleh jaminan pihak ketiga (yang diterima oleh PUNB) bergantung pada penilaian kredit.

11. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN SEBARANG PERLINDUNGAN TAKAFUL?

Ya, pelan Takaful adalah wajib untuk Pembiayaan PROSPER.

Takaful Tempoh Berkurangan/Sekata melindungi kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal. Perlindungan ini akan membantu anda menyelesaikan pembiayaan sekiranya sesuatu berlaku kepada anda.

Takaful Premis Perniagaan juga diwajibkan. Takaful premis perniagaan merangkumi perlindungan komprehensif termasuk kebakaran, rompakan, kerugian susulan, jaminan kesetiaan, dan sebagainya.

PUNB akan menyediakan sebut harga untuk kedua-dua Takaful yang ditawarkan oleh panel pengendali Takaful PUNB sendiri.



12. BAGAIMANAKAH SAYA BOLEH MEMBAYAR BAYARAN BULANAN SAYA?

Untuk kemudahan anda, anda dinasihatkan untuk membayar bayaran bulanan anda melalui mana-mana cara berikut:

Bayar ke akaun bank CIMB PUNB menggunakan 14 digit nombor akaun pembayaran anda

JomPay dalam talian di Internet dan Perbankan Mudah Alih dengan akaun Semasa atau Simpanan anda

Bayar melalui skrin Pembayaran Bil

Cek dibayar kepada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad

13. APAKAH DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK MEMOHON PEMBIAYAAN?

- 1** Borang PDP1 dan PDP2 (Untuk memeriksa rekod kredit pemohon dan rakan kongsi).
- 2** Salinan terkini Kad Pengenalan pemohon dan rakan kongsi / dokumen yang setara.
- 3** Gambar terkini pemohon dan rakan kongsi berukuran pasport.
- 4** Carian SSM terkini (Tarikh dicetak pada carian SSM mestilah dalam tempoh 2 bulan dari tarikh penyerahan) atau lesen perniagaan yang sah dari Pihak Berkuasa Tempatan (hanya jika tiada SSM).
- 5** Laporan diaudit / Akaun Pengurusan untuk 2 tahun terakhir mengikut tahun penyerahan (jika berkenaan).
- 6** Akaun pengurusan terkini - sekurang-kurangnya sehingga 2 bulan sebelum tarikh permohonan (jika berkenaan).
- 7** Penyata bank 12 bulan terkini (jika berkenaan).
- 8** Gambar premis perniagaan & produk sedia ada/yang dicadangkan.
- 9** Perjanjian Penyewaan yang sah (jika berkenaan).
- 10** Anggaran (proforma) Akaun Untung Rugi dan Aliran Tunai selama 5 tahun - untuk pemberian melebihi RM1 juta*.
- 11** Salinan Invois/Sebut Harga/Resit mengikut kos projek. Dokumen ini digunakan untuk penilaian dan penyaluran pemberian.
- 12** Maklumat Perniagaan*.

*Templat boleh dimuat turun dari PUNB Online

14. APA YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT PERUBAHAN PADA MAKLUMAT HUBUNGI SAYA?

Adalah penting untuk anda memaklumkan PUNB tentang sebarang perubahan dalam maklumat hubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk kemas kini maklumat hubungi anda, boleh menghubungi Pegawai Pemantau anda atau hadir ke Pejabat Wilayah/Cawangan kami.

15. BAGAIMANA UNTUK MEMOHON PEMBIAYAANINI?

Permohonan hendaklah diserahkan melalui PUNB Online di www.punb.com.my

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Pusat Khidmat Pelanggan: 1300 13 7862

The word "PENAFIAN" is written in capital letters using wooden blocks. The blocks are light-colored with dark lettering. They are arranged horizontally against a dark, solid background.

PENAFIAN:

Maklumat, terma dan syarat dalam lembaran pernyataan produk ini adalah indikatif dan tidak mengikat PUNB. Terma dan syarat akhir ditetapkan dalam surat tawaran selepas penilaian kredit dan kelulusan akhir oleh PUNB.